

09 JAN 1998

Cuepacs-Puji

CUEPACS PUJI KEPRIHATINAN KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Cuepacs hari ini menyatakan penghargaan terhadap kerajaan kerana tidak melibatkan golongan rendah dan sederhana di sektor awam dalam pengurangan Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) yang diumumkan baru-baru ini.

"Keprihatinan kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim terbukti," kata Presiden Cuepacs, Mohamad Mat Jid, dalam satu kenyataannya hari ini.

Katanya, pengurangan Imbuhan Tetap Kerajaan (ITK) dan ITKA yang diumumkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1997 itu adalah langkah tambahan yang perlu diambil untuk mengurang dan mengawal perbelanjaan.

"Dengan pengurangan ini Cuepacs berharap pegawai-pegawai yang terlibat dapat menerima dengan hati yang terbuka dan menganggapnya sebagai satu pengorbanan kepada negara semasa kegawatan ekonomi," katanya.

Katanya, baru-baru ini Cuepacs telah merayu kepada kerajaan supaya menghapuskan Sistem Gaji Matriks, pemotongan 10 peratus ITKA dan menarik balik pembekuan kenaikan gaji pegawai Kumpulan A dan B seperti yang diumumkan oleh Anwar baru-baru ini.

"Cuepacs menjangkakan tiada pembekuan kenaikan gaji pegawai Kumpulan A dan B," kata beliau.

Cuepacs juga menasihatkan kakitangan kumpulan sokongan agar terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kerana kerajaan telah cuba memberi kemudahan untuk menaikkan taraf hidup rakyat termasuk memberi sebulan bonus walau dalam kegawatan ekonomi yang melanda negara.

Cuepacs turut menggalakkan badan-badan gabungannya memberi sepenuh kerjasama kepada kerajaan dan menyokong saranan kerajaan agar menabung dan membeli barangan buatan tempatan.

Dalam pada itu, katanya, kerajaan perlu mengawal harga barangan dan keperluan dan mengambil tindakan tegas terhadap pembekal, pemborong dan peniaga yang mengambil kesempatan dengan keadaan ini.

-- BERNAMA

WNZ WAT